

## **Analisis Kesilapan Penulisan Ayat Mudah Bahasa Perancis Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Perancis Sebagai Bahasa Asing**

### *Simple Sentence Error Analysis In French As a Foreign Language Classroom*

Shobehah binti Abd Karim<sup>1</sup>, Vijayaletchumy Subramaniam<sup>2</sup>, Hazlina binti Abdul Halim<sup>3</sup>,  
Zuraini binti Jusoh<sup>4</sup>

#### **ABSTRAK**

*Kajian pembelajaran bahasa Perancis (BP) sebagai bahasa asing (BA) ini menfokuskan kemahiran penulisan BP. Pembelajaran BA memerlukan pelajar menguasai kemahiran berkomunikasi dan juga kemahiran penulisan. Penguasaan tatabahasa asas BP dengan baik dapat membantu dalam kemahiran penulisan bahasa sasaran dengan baik. Kajian ini terbatas kepada kemahiran penulisan ayat mudah BP dalam kalangan pelajar dengan menganalisis kesalahan dalam hasil penulisan mereka. Responden kajian terdiri daripada 50 orang pelajar BP 1 (WFD10101) dari Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI). Data kajian dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif. Lokasi kajian adalah UniKL MFI. Kajian analisis dokumen ini menggunakan karangan dari skrip jawapan bahagian A, soalan 11 Ujian akhir BP 1. Hasil penulisan pelajar dianalisis melalui Taksonomi Kesilapan Dulay, Burt dan Krashen (1982) untuk mengenal pasti kesalahan dan kesilapan pelajar dalam pembinaan ayat mudah BP. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lebih cenderung melakukan kesalahan penggunaan kata preposisi, diikuti oleh kata kerja, kata nama dan kata adjektif. Kesalahan ini berlaku kerana pelajar kurang pengetahuan tatabahasa asas BP. Tambahan pula status BP sebagai BA di Malaysia, terdapat perbezaan dari segi tatabahasa, struktur ayat BP dan Bahasa Malaysia. Maka, faktor inilah punca responden melakukan kesalahan dalam penulisan dan seterusnya melakukan kesilapan penambahan, pengurangan dan pemilihan dalam ayat BP.*

**Kata kunci:** bahasa Perancis, bahasa asing, kesalahan, penulisan, karangan

#### **ABSTRACT**

*This study on learning French as a foreign language (FL) focuses on F's writing skills. FL learning requires students to acquire communication skills as well as writing skills. A good command of*

---

<sup>1</sup> Shobehah Abdul Karim, French Collaboration Program Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute, Bandar Baru Bangi, Malaysia, [shobehah@unikl.edu.my](mailto:shobehah@unikl.edu.my)

<sup>2</sup> Vijayaletchumy Subramaniam (PhD), Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia, [letchumy1617@gmail.com](mailto:letchumy1617@gmail.com)

<sup>3</sup> Hazlina binti Abdul Halim (PhD), Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia, [hazlina\\_ah@upm.edu.my](mailto:hazlina_ah@upm.edu.my)

<sup>4</sup> Zuraini binti Jusoh (PhD), Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia, [zurainijusoh@upm.edu.my](mailto:zurainijusoh@upm.edu.my)

*the basic French grammar may assist well in target language writing skills. This study is limited to French simple sentence writing skills among students by analyzing errors in their writing. The study respondents consisted of 50 French 1 students (WFD10101) from University Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI). The study data were analyzed qualitatively and quantitatively. The study location is UniKL MFI. The document analysis study used essays from the answer script of part A, question 11 French Final test 1. Students' writing were analyzed using Dulay, Burt and Krashen's (1982) Taxonomy of Errors to identify students' errors and mistakes in the French construction of simple sentences. Findings of the study show that students were prone to make mistakes in the prepositional words use, followed by verbs, nouns and adjectives. These errors occurred because the students were lack in of the French basic grammar knowledge. In addition to French status as a FL in Malaysia, there are differences in terms of grammar and sentence structure of French and Malay language. Thus, this is the factor which causes the respondents to make mistakes in writing and subsequently in subtraction and selection in French sentences.*

**Keywords:** French, foreign language, error, writing, essay

## Pengenalan

Pembelajaran bahasa Perancis (BP) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia bermula sekitar tahun 60-an. Kini, mata pelajaran BP adalah salah satu mata pelajaran bahasa yang popular di mana ianya diajar di sekolah harian terpilih, sekolah berasrama penuh dan juga di IPT. Sehubungan dengan itu, pembelajaran BP bukan di negara asal bahasa itu sendiri, mewujudkan limitasi untuk mendapatkan bahan rujukan dan juga mempraktikkan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa sasaran. Selain itu, masalah persekitaran pembelajaran BP itu sendiri memerlukan strategi pembelajaran yang berkesan untuk menguasai kemahiran menulis, membaca dan bertutur. Dalam pembelajaran BP sebagai bahasa asing (BA) pelajar sering diminta menulis karangan pendek dengan menggunakan struktur ayat yang betul tetapi pelajar sering didapati melakukan kesilapan dalam penulisan yang akan menjejaskan pencapaian dalam BP. Walau pun tenaga pengajar BP memberi penekanan terhadap struktur ayat dan tatabahasa BP, namun pelajar masih melakukan kesalahan dalam penulisan karangan BP. Sesungguhnya kesalahan penulisan dalam kalangan pelajar Malaysia dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Masalah kesalahan bahasa dalam kemahiran penulisan ini memberi lompang kepada penyelidik untuk mengenal pasti punca kesalahan atau kesilapan penulisan pelajar bahasa Perancis I (WFD10101) Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI).

## Sorotan Kajian

Kajian analisis kesalahan (AK) yang dijalankan Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018), dan Zaliza Mohamad Nasir (2017) adalah berpandukan Teori Analisis Kesalahan, Corder (1981, berbeza dengan Hazlina & Ang Lay Hoon (2015) mengaplikasikan definisi kesilapan pembentukan kata oleh James (1998) dan kesilapan pemilihan oleh Dulay, Burt & Krashen (1982), Hazlina et al (2016) menggunakan teori pengelasan kesilapan ejaan oleh Rimrott & Heift (2008) dan Muftia Arifana Saputri (2017) pula menggunakan skema jawapan penilaian DELF (Diplôme

d'Etudes en Langue Française) untuk mengenal pasti kesalahan yang dilakukan pelajar BP sebagai bahasa asing.

Selanjutnya ialah kajian analisis kesalahan penulisan bahasa Perancis yang dijalankan oleh Hazlina Abdul Halim et al. (2016), Hazlina & Ang Lay Hoon (2015) dan Muftia Arifana Saputri (2017) turut sama menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian analisis kesalahan selepas ini. Kajian AK Hazlina Abdul Halim et al. (2016) menfokuskan kesilapan ejaan BP dalam terjemahan, kajian beliau yang seterusnya adalah berkaitan dengan kesalahan pemilihan dan pembentukan kata dalam terjemahan ayat BP dan Muftia Arifana Saputri (2017) pula menjalankan analisis kesalahan terhadap hasil penulisan bertajuk "Se Presenter" pelajar BP sebagai bahasa asing di atas laman web pembelajaran BP.

Oleh yang demikian, sorotan kajian ini turut memberikan idea kepada pengkaji memilih untuk menjalankan kajian analisis kesalahan berpandukan Taksonomi Kesilapan oleh Dulay, Burt & Krashen (1982). Sementara itu, kajian lepas BP ini memberi tumpuan kepada kesalahan dalam pemilihan dan pembentukan kata dalam tejemahan BP, kesilapan ejaan dalam terjemahan BP dan Muftia (2017) pula menjalankan kajian penulisan atas talian. Mayada Zaki (2015) menyatakan analisis kontrastif dan analisis kesalahan kedua-duanya turut memainkan peranan dalam AK pelajar. Kajian analisis kontrastif dan AK ini adalah saling melengkapi. James (1980) mendakwa bahawa analisis kontrastif membantu pelajar jika terdapat kesalahan dalam pembelajaran bahasa, manakala analisis kesalahan pula mambantu mengenal pasti punca kesalahan semasa proses pemindahan B1 atau bahasa lain kepada bahasa sasaran.

Kesemua kajian yang dijalankan ini adalah kajian kualitatif dengan tujuan dan matlamat kajian yang jelas. Sorotan kajian ini telah menarik minat pengkaji menjalankan kajian AK. Turut menjadi impak juga adalah dapatan kajian AK yang dijalankan ini menunjukkan AK banyak memberi manfaat kepada pengajar dan juga pelajar bahasa asing.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini berfokus kepada penulisan BP, iaitu pembinaan ayat mudah BP dalam ujian akhir BP I (WFD10101) sebagai BA. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan pelajar dalam penulisan ayat mudah BP dan seterusnya menganalisis punca kesalahan dalam penulisan BP pelajar yang mempelajari BP sebagai BA.

## **Metodologi**

Metodologi kajian adalah sangat penting dalam menjalankan satu kajian. Hazlina (2011) menyatakan kepentingan metodologi kajian terutamanya dalam mencari penyelesaian masalah persoalan kajian mencapai objektif kajian. Sejarar dengan tajuk kajian ini, iaitu analisis kesilapan penulisan ayat mudah BP, satu kajian lapangan dan analisis dokumen telah dijalankan dalam kalangan pelajar BP I (WFD10101) UniKL MFI. Kajian analisis kesalahan bahasa ini dijalankan berpandukan Taksonomi Kesilapan, Dulay, Burt & Krashen (1982) untuk mengenal pasti kesalahan pelajar dalam pembinaan ayat mudah BP dan kesalahan tersebut diklasifikasikan

mengikuti jenis kesilapan, iaitu kesilapan penambahan, kesilapan pemilihan, kesilapan pengurangan dan kesilapan penyusunan. Instrumen kajian ialah skrip jawapan soalan 11, bahagian A, ujian akhir BP 1 (WFD10101).

### Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada 50 pelajar teknikal UniKL MFI dari pelbagai pengajian seperti Otomotif, Elektrikal, Kimpalan, Robotik dan lain-lain lagi. Setiap pelajar UniKL MFI dikehendaki mempelajari BP sebagai BA bersesuaian dengan status BP sebagai mata pelajaran wajib universiti dan salah satu syarat untuk bergraduasi, iaitu pelajar mesti lulus BP. Lingkungan umur mereka tidak terbatas. Sampel kajian merupakan pelajar Malaysia dan Bahasa Malaysia (BM) merupakan bahasa ibunda atau B2 pelajar. Penguasaan BM pelajar adalah baik. Pelajar ini telah mengikuti kelas BP 1 WFD10101 selama 34 jam, sebelum menduduki Ujian akhir Bahasa Perancis Semester 1. Walaupun mereka belajar dalam kelas yang berlainan, pensyarah adalah sama dan menggunakan sukatan pelajaran yang sama. Kelainan hanyalah dari segi masa dan tempat belajar. Pembelajaran dijalankan di dalam kelas yang dilengkapi alat pendingin hawa, “smart board” dan keperluan asas lain seperti kerusi, meja dan papan tulis. Buku teks “Le Nouveau Taxi 1” dan buku latihan “Le Nouveau Taxi 1” karya Guy Capelle, Robert Menand, (2014). Paris: Hachette digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran BP I dan BP II di UniKL MFI. Selain itu, buku “Le Nouveau Taxi 1” ini disertai dengan CD Audio dan CD-Rom bagi kemahiran mendengar, membaca, menulis, bertutur dan latihan kefahaman. Pengajar turut memberikan nota tambahan yang telah dimuat turun dalam “e-learn” dan menyediakan “power point” sebagai bahan pengajaran tambahan semasa pengajaran dan pembelajaran (P&P) dijalankan di dalam kelas agar pelajar dapat menguasai kemahiran penulisan dan juga komunikasi asas BP.

### Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), iaitu Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute yang terletak di Seksyen 14, Jalan Teras Jernang, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor. UniKL MFI ditubuhkan sekitar tahun 1980-an. Penubuhannya merupakan hasil kerjasama UniKL MFI dan kerajaan Perancis dengan matlamat untuk menjanakan golongan dalam bidang teknologi yang juga mempunyai pengetahuan yang luas dalam bahasa Perancis. Bahasa Perancis di IPTS ini berstatus sebagai subjek wajib universiti dan setiap pelajar dikehendaki mempelajari BP untuk lulus dalam pengajian mereka. Lantaran itu, pelajar UniKL MFI perlu menguasai BP dengan baik. Setiap pelajar Diploma dan Ijazah wajib mempelajari bahasa ini selama 2 jam seminggu dalam tempoh masa 17 minggu bagi satu semester.

Objektif pengajaran dan pembelajaran BP di UniKL adalah seperti berikut:

- i. Dapat berkomunikasi dan menulis menggunakan ayat mudah Bahasa Perancis
- ii. Dapat memahami dan mencari maklumat dari teks Bahasa Perancis
- iii. Dapat mengaplikasikan pengetahuan tentang Negara Perancis dan budayanya

Kajian ini terbatas kepada pelajar BP peringkat Diploma dan Ijazah Kejuruteraan Teknikal. Pada setiap semester penilaian BP I (WFD10101) dan BP II (WFD10201) adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Penilaian BP I (WFD10101) dan BP II (WFD10201)**

<b>BAHASA PERANCIS I WFD10101</b>	<b>BAHASA PERANCIS II WFD 10201</b>
34 jam (17 x 2jam)	34 jam (17 x 2jam)
30% Kerja Kursus	30% Kerja Kursus
30% Projek	30% Projek
10% Kuiz	10% Kuiz
30% Ujian	30% Ujian

## Instrumen Kajian

### Analisis dokumen

Penggunaan BP dalam karangan dalam bentuk ayat mudah telah digunakan untuk mengenal pasti kesalahan yang dilakukan pelajar dalam penulisan BP. Kesalahan ini turut mempengaruhi pencapaian responden. Data mentah kesalahan daripada ujian ini, dikumpul dan diklasifikasikan berdasarkan jenis kesilapan tatabahasa. Kertas ujian akhir BP 1 Semester Januari 2019 adalah dokumen yang dipilih bagi menjalankan kajian ini. Tumpuan diberikan pada bahagian A, soalan 11 skrip jawapan ujian akhir semester, iaitu menulis satu karangan deskriptif pendek, memperkenalkan seseorang. Pelajar WFD10101 dikehendaki menulis satu karangan pendek 50 patah perkataan berdasarkan maklumat peribadi dan gambar rakan perempuan yang diberikan, iaitu nama, nama keluarga, umur, warga negara, pekerjaan, alamat, pekerjaan bapa, warga negara bapa, pekerjaan ibu dan warga negara ibu.

### Soal selidik

Kaedah soal selidik digunakan untuk meneliti tentang kefahaman tatabahasa BP dan latar belakang responden. Tempoh masa 30 minit telah diberikan untuk menjawab soalan dalam borang soal selidik. Satu janji temu dibuat oleh pengkaji dengan responden dan kajian soal selidik ini dijalankan di dalam kelas BP I di UniKL MFI. Borang soal selidik berskala Likert, iaitu skala 1 hingga 5 merupakan sumber utama untuk mendapat data dalam penyelidikan ini. Skala likert tersebut adalah dari sangat tidak setuju, tidak setuju, sedikit setuju, setuju dan sangat setuju. Pelajar menjawab kertas soalan dalam keadaan tanpa tekanan dan masa selama 15 hingga 30 minit diperuntukkan untuk melengkapkan borang soal selidik. Dimaklumkan juga bahawa pilihan skala soal selidik tiada penentuan betul atau salah. Di samping itu, ruangan kosong turut disediakan bagi subjek menyenaraikan pendapat lain.

### Pemerhatian

Penyelidik juga meneliti gelagat responden semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Maklumat tambahan atas pemerhatian penyelidik akan dicatat. Proses pemerhatian ini adalah

sebagai sumber tambahan yang akan membantu penyelidik mengukuhkan penghuraian dapatan kajian ini.

### Analisis Data


Selepas mengikuti kursus BP sebagai bahasa asing di UniKL MFI selama tujuh belas minggu, penilaian tahap penguasaan BP dalam kalangan pelajar UniKL MFI telah dijalankan. Maka, pelajar WFD10101 akan menduduki ujian penulisan yang meliputi aspek yang terkandung dalam sukatan pelajaran BP. Berdasarkan borang soal selidik dan ujian penulisan yang diedarkan, data telah dikumpulkan dan dianalisis untuk menepati objektif kajian. Penyemakan kertas ujian penulisan secara manual telah dilakukan. Data yang diperoleh daripada kertas ujian kemudian dihuraikan secara kualitatif bagi mencapai objektif utama, iaitu untuk mengenal pasti kesalahan dalam penulisan ayat mudah BP sebagai bahasa asing. Perisian Microsoft Excel digunakan untuk mencatat dan memproses data bagi tujuan pengiraan jumlah kekerapan dan peratusan kesilapan struktur ayat dan tatabahasa dalam kalangan responden kajian. Pada keseluruhannya penganalisan data dalam kajian ini dibuat melalui pendekatan kualitatif.

### Teori

Taksonomi Analisis Kesilapan oleh Dulay, Burt & Krashen (1982) digunakan untuk menjalankan kajian Analisis Kesalahan (AK) dalam penulisan ayat mudah BP pelajar. Hasil penulisan pelajar disemak dari segi kesilapan dan kesalahan dalam pembinaan struktur ayat dan tatabahasa BP. Lanjutan dari itu, data yang dikumpulkan oleh pengkaji tentang kekerapan melakukan kesalahan dan punca-puncanya akan dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan excel. Langkah terakhir yang patut diambil adalah mengklasifikasikan kesalahan tersebut dan seterusnya membuat penjelasan tentang kesalahan yang ditemui dalam penulisan ayat mudah BP I.

Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan model penerangan mudah Rajah 1 untuk mengenal pasti kesalahan dalam penulisan ayat mudah responden. Melalui model ini juga, kecekapan B1 dan BA telah digunakan sebagai input bagi analisis ini. Namun begitu, model ini juga mengambil kira semua aspek yang terlibat dalam proses pembelajaran BA pelajar. Seterusnya, AK struktur ayat dan tatabahasa BP turut dilakukan berdasarkan model penerangan mudah ini. Langkah terakhir adalah dapatan AK ini kemudiannya dikelaskan mengikut kesilapan pengurangan, kesilapan penambahan, kesilapan pemilihan dan kesilapan penyusunan.

**Rajah 1: Model Penerangan Mudah Analisis Kesalahan**



### Sinopsis

AK penting dalam kajian yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran BA. Jika AK ini dijalankan secara sistematik, ianya akan memberikan manfaat yang besar kepada pengajaran dan pembelajaran BA. Pengkaji berpendapat AK mempunyai kelebihan yang tersendiri. Sikap pelajar UniKL MFI yang positif dengan bimbingan berterusan daripada pensyarah dan sanggup menerima teguran atas kesalahan atau kesilapan yang dibuat pada kemahiran menulis karangan BP membantu pelajar WFD10101 menguasai bahasa dengan baik dan memperbetulkan kesalahan yang telah dibuat.

## Keputusan Dan Perbincangan

Objektif: Untuk mengenal pasti kesalahan dalam penulisan ayat mudah pelajar dalam mempelajari bahasa Perancis sebagai bahasa asing

Kajian ini memfokuskan kepada kesalahan struktur ayat dan tatabahasa BP dalam penulisan ayat mudah responden yang telah mempelajari BP I (WFD10101) selama 17 minggu (34 jam pengajaran). Kaedah menganalisis data kualitatif diaplikasikan bagi kajian ini untuk mendapatkan data kesalahan dalam penulisan. Data ini dikaji dan dianalisis berdasarkan keperluan objektif kajian di atas. Ujian penulisan merupakan punca utama untuk mendapat data dalam penyelidikan ini. Data mentah yang diperoleh daripada penulisan ayat mudah responden kemudiannya dianalisis melalui penyemakan kertas ujian penulisan secara manual dan kaedah pemerhatian. Hasil dapatan analisis dokumen ini, Dibincangkan secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk peratusan, rajah dan jadual. Daripada 50 karangan deskriptif responden, terdapat 110 kesalahan dalam penulisan telah dilakukan oleh responden. Kesalahan ini dikelaskan mengikut kata nama (KN), kata adjektif (KA), kerja (KK) dan kata preposisi (KP). Analisis kajian ini mendapati lebih kurang 21 kesalahan KN, iaitu dalam pemilihan, pengurangan dan penambahan ejaan, penambahan artikel pada KN dan penentuan artikel KN mengikut gender, diikuti oleh kesalahan KA sebanyak 3 kesalahan penambahan, pengurangan dan pemilihan dan kesalahan KK sebanyak 31 kesalahan. Kesalahan KP BP pula adalah sebanyak 55 kesalahan, melibatkan kesilapan pemilihan dan penggunaan KP. Jadual 1 di bawah menunjukkan peratusan kesalahan dalam penulisan responden. AK ini dibuat berpandukan kepada Taksonomi Analisis Kesilapan Dulay, Burt & Krashen (1982). Kesilapan responden akan dikelaskan mengikut kategori berikut, iaitu:

- i. kesilapan penambahan,
- ii. kesilapan pemilihan,
- iii. kesilapan pengurangan,
- iv. kesilapan penyusunan.

**Jadual 2: Kesalahan dalam Penulisan Karangan**

Kelas Kesalahan	Jumlah Kesalahan	Peratus Kesalahan
Kata Nama (KN)	21	19%
Kata Adjektif (KA)	3	3%
Kata Kerja (KK)	31	28%
Kata Preposisi (KP)	55	50%

### Kesalahan Kata Nama

Setiap KN BP mempunyai gender maskulin atau feminin dan KN ini juga dikelaskan sama ada KN tunggal atau jamak. Penambahan “Artikel” yang digunakan bagi KN ini adalah “artikel definitif” atau “artikel tidak definitif”, iaitu “**le**”, “**la**”, “**l**” dan “**les**” atau “**un**”, “**une**” dan “**des**”. Di antara kesalahan dan kesilapan penggunaan KN dilakukan oleh responden dalam penulisan BP adalah :

#### Kesilapan Penambahan

Kesilapan penambahan partikel awalan “**un**” dan “**une**” artikel indefinitif

- (1) Elle est **une** dentiste
- (2) Il est **un** avocat

Dalam ayat deskriptif (1) dan (2) yang menerangkan pekerjaan seseorang, penggunaan artikel tidak definitif “**un**” atau “**une**” tidak diperlukan dalam BP. Kesalahan ini dipengaruhi oleh masalah gangguan bahasa Inggeris (BI). Responden membuat generalisasi bahawa tatabahasa BP adalah sama dengan BI, di mana dalam setiap ayat yang menerangkan pekerjaan mesti disertakan dengan artikel. Contohnya “She is a dentist” and “He is a lawyer”.

Kesilapan penambahan partikel awalan “**la**” artikel definitif

- (3) Elle est **la** dentiste

Kesalahan ayat (3) adalah faktor penambahan artikel definitif. Seperti ayat (1) dan (2), ayat (3) juga tidak perlu penambahan artikel definitif “**la**” bagi menerangkan jenis pekerjaan seseorang dalam BP. Masalah gangguan BI dan BM berlaku di sini.

- (4) Il **la** \_ trent-cinq ans

Responden turut melakukan kesalahan pada ayat (4) dengan meletakkan artikel definitif “**la**” dalam ayat deskriptif menjelaskan tentang umur rakan yang diperkenalkan. Kesilapan penambahan telah berlaku, iaitu dengan meletakkan artikel “**la**” yang tidak membawa sebarang makna pada ayat ini dan struktur ayat ini juga adalah salah.

Kesilapan penambahan ganti nama (subjek)

- (5) Il **j**'habite à Naples en Italie

Pemilihan kata ganti nama (KGN) orang kedua tunggal maskulin pada ayat (5) ini adalah betul, namun begitu penambahan KGN tunggal orang pertama “**je**” pada ayat ini adalah tidak boleh sama sekali. Sepatutnya hanya KGN “**il**” sahaja yang ditulis pada ayat ini. Ayat yang betul adalah seperti berikut, “**Il habite à Naples en Italie**”.

Kesilapan penambahan penanda gender feminin {e} bagi KN

- (6) Elle parle anglaise, italiene et francaise.

Selain itu, terdapat juga kesalahan penambahan pada ejaan KN, iaitu penambahan penanda gender feminin, morfem {e} pada akhir KN bagi ayat (6). Responden menggeneralisasikan bahawa apabila subjek feminin KN bagi bahasa pertuturan subjek juga mesti feminin seperti ayat (6) di bawah. Di sini, berlaku sedikit kekeliruan di mana responden mengandaikan KN mempunyai konsep yang sama dengan KA dalam BP. Maka dengan sebab itu, responden meletakkan penanda gender feminin, iaitu morfem {e} di akhiran bahasa Inggeris, bahasa Itali dan bahasa Perancis dalam BP, iaitu “anglaise”, “italiene” dan “française”. Jawapan yang betul adalah “**anglais**”, “**italien**” dan “**français**”.

Kesilapan penambahan penanda gender feminin {e} bagi subjek maskulin

(7) Il est avocate

Kesalahan ayat (7) adalah meletakkan morfem {e} pada KN yang subjeknya adalah maskulin. Dalam BP setiap KN pekerjaan mesti berpadanan dan mengikut gender subjek. Sekiranya subjek adalah maskulin seperti di ayat (7), maka kata nama yang betul adalah maskulin adalah “**avocat**” bukannya “avocate”.

Kesilapan penambahan konsonan “l” pada KGN orang ketiga tunggal maskulin

(8) III est trente-cinq.

(9) III adore le football.

Kesalahan ayat (8) dan (9) adalah kesalahan ejaan pada KGN orang ketiga tunggal BP, iaitu “ill”. Ejaan betul adalah “**il**” sahaja atau “dia” subjek lelaki dalam BM. Responden melakukan kesalahan pada kedua-dua ayat (8) dan (9) ini dengan meletakkan penambahan konsonan “l” di akhir kata ganti nama “il”.

### Kesilapan pemilihan

Kesilapan pemilihan kosa kata

(10) Elle parle **anglasi**

(11) Il a vingt **cing** ans

Struktur ayat (10) dan (11) adalah betul, akan tetapi kesalahan responden di sini adalah dari segi ejaan. Ejaan yang betul adalah “**anglais**” bukannya “**anglasi**” dan ayat yang betul adalah “Elle parle **anglais**”. Kesalahan ayat (11) adalah kesalahan ejaan bagi nombor “**cing**”. Ejaan yang betul adalah “**cing**” bagi angka 5 dalam BP dan ayat yang betul adalah “Il a vingt-**cing** ans”

Kesilapan pemilihan KGN (subjek)

(12) Il s'appelle Charlotte Macdonald

Ayat (12) ini salah kerana responden telah memilih KGN orang ketiga tunggal maskulin. KGN yang sepatutnya dipilih adalah “**Elle**” kerana “**Charlotte MacDonald**” adalah subjek Feminin. Ayat yang betul adalah “**Elle s'appelle Charlotte MacDonald**”.

Kesilapan pemilihan KA kewarganegaraan sebagai nama negara

(13) Il habite à Naples en **Italien**

Responden telah melakukan kesalahan pemilihan di ayat (13) ini. Kekeliruan telah berlaku, responden menulis KA kewarganegaraan pada akhir ayat (13), iaitu “italien” sebagai nama khas sebuah negara. Jawapan yang betul negara ini dalam BP adalah “**Italie**” dalam BP. Responden tidak dapat membezakan antara nama sebuah Negara dan kata adjektif warga negara dalam BP. KN khas Negara sepatutnya ditulis sebagai “**Italie**” bukannya “italien”. Maka ayat yang betul adalah, “ Il habite à Naples en **Italie**”.

### Kesilapan Pengurangan

Kesilapan pengurangan ayat deskriptif menerangkan umur seseorang dalam BP.

(14) Il a vingt cinq \_\_\_\_.

(15) Elle a vingt \_\_\_\_.

Kesalahan bagi ayat (14) dan (15) pula adalah kesalahan responden yang tidak meletakkan tahun dalam BP di akhir ayat (14) dan (15). Pada akhir kedua-dua ayat di atas responden sepatutnya meletakkan perkataan “**ans**” pada akhir ayat. Ayat yang betul adalah “il a vingt cinq **ans**” dan “Elle a vingt **ans**”

Kesilapan pengurangan pada ejaan nombor

(16) Il a **ving** cinq ans

(17) Il **la** \_\_ **trent**-cinq ans

Struktur ayat (16) adalah betul tetapi responden telah melakukan kesalahan ejaan pada ayat ini, iaitu “**ving**”. Perkataan “**ving**”, jika dilihat dari sudut bunyi adalah betul tetapi dari segi ejaan BP adalah salah. Nombor 20 dieja sebagai “**vingt**” dalam BP. Maka terdapat pengurangan kosonan “**t**” pada ayat (16). Sementara itu terdapat beberapa kesalahan lain pada ayat (17). Namun begitu, pada bahagian ini, tumpuan hanya diberikan pada kesalahan ejaan nombor 30, iaitu “**trent**”. Ejaan yang betul bagi nombor 30 BP adalah “**trente**”. Kesalahan ini berkemungkinan berlaku sama seperti ayat (16), iaitu jika dilihat dari bentuk ejaan dan bunyi pemilihan ejaan “**trent**” adalah betul. Akan tetapi dalam BP ejaan ini salah dan terdapat pengurangan partikel “**e**” pada akhir ejaan “**trent**”, iaitu “**trente**”.

### Kesalahan Kata Adjektif

KA adalah kata yang menerangkan sifat nama. KA BP berubah mengikut gender gramatikal, iaitu maskulin atau feminin dan juga bilangan, sama ada tunggal atau jamak. Bagi KN tunggal perubahan KA hanyalah dari segi gender maskulin atau feminin sahaja. Tetapi sekiranya bilangan KN adalah jamak, maka KA mesti berubah bukan sahaja mengikut gender tetapi mesti juga berubah menurut bilangan KN tersebut. Pembentukan KA BP ini adalah agak kompleks dan pelbagai. Dalam kajian ini hanya terdapat kesalahan berikut bagi KA, iaitu

### Kesilapan pemilihan

Kesilapan pemilihan nama khas bagi negara sebagai KA kewarganegaraan

(18) Il est **Italie**\_\_

Pengaruh bahasa ibunda, iaitu BM juga mempengaruhi pelajar dalam kesalahan pemilihan KA yang sesuai. Gangguan bahasa ini mempengaruhi pembentukan struktur ayat (18). Jika diterjemahkan ke dalam BM ayat ini bermaksud, “Dia adalah Itali”. Kesalahan responden adalah menggeneralisasikan tentang peraturan dan pemilihan KA seterusnya yang membawa kepada kesalahan pemilihan KN khas Negara sebagai KA kewarganegaraan dalam penulisan ayat BP. KA kewarganegaraan yang betul adalah “**italien**”.

### **Kesilapan pemilihan dan pengurangan**

Kesilapan pemilihan nama negara dan pengurangan KA mengikut gender

(19) **Sa nationalité est Italie\_**

Dalam ayat (19), terdapat tiga kesalahan, iaitu pemilihan nama negara sebagai KA kewarganegaraan, penggunaan huruf besar dan permasalahan menentukan gender subjek dan pemilihan KA. Pada ayat (19), kesalahan pertama adalah memilih negara “**Italie**” sebagai KA kewarganegaraan. KA yang betul adalah “**italien**”. Sementara kesalahan kedua pula, perkataan “**Italie\_**” telah dieja dengan huruf besar “**I**”. Dalam BP, KA kewarganegaraan ditulis dengan huruf kecil. Oleh yang demikian, perkataan ini sepatutnya dieja dengan huruf kecil, iaitu “**italien**” bagi subjek maskulin dan “**italienne**” bagi subjek feminin. Manakala kesalahan ketiga pula adalah kesalahan pengurangan pada akhiran, iaitu tidak meletakkan penanda gender feminin “**\_ne**” di hujung KA “**italien**”. Subjek bagi ayat (19) adalah feminin, iaitu “**Sa nationalité**”, maka responden perlu menambahkan akhiran “**\_ne**” pada KA “**italien**” menjadi “**italienne**”. Responden sepatutnya mengenal pasti gender subjek ayat (19) sama ada feminin atau maskulin, selepas itu memilih KA yang betul, iaitu “**italienne**” bagi subjek feminin. Ayat (19) yang betul adalah, “**Sa nationalité est italienne**”.

### **Kesilapan penambahan**

Kesilapan penambahan akhiran penanda gender

(20) **Il suis italienne**

Kesalahan pada ayat (20) pula adalah kesalahan KK dan KA. Pada bahagian ini, kesalahan yang difokuskan hanyalah kesalahan KA. Kesilapan pada ayat (20) ini adalah kesilapan penambahan pada akhiran KA “**italien**”. Seperti yang dijelaskan pada ayat (19), responden perlu mengenal pasti gender subjek dalam ayat. Subjek bagi ayat (20) adalah maskulin, iaitu “**Il**”. Maka dengan sebab itu, KA yang betul adalah “**italien**” bukannya “**italienne**”. Kesalahan responden pada ayat ini adalah kesalahan penambahan penanda gender akhiran “**...ne**” selepas KA kewarganegaraan “**italien**”. Struktur ayat (20) yang betul adalah, “**Il est italien**”.

### **Kesalahan Kata Kerja**

KK adalah elemen yang amat penting dalam struktur ayat BP kerana semua ayat BP mesti mempunyai KK. Penguasaan dan kemahiran konjugasi amat penting dalam mempelajari bahasa ini. Dalam proses konjugasi, setiap akhiran KK akan berubah mengikut subjek dan bilangan. Berikut adalah kesalahan KK yang dilakukan oleh responden kajian ini:

### **Kesilapan Penambahan**

Kesilapan penambahan kata kerja kedua yang turut juga dikonjugasi

- (21) Il est **a** avocat  
 (22) Elle s appelle **est** Charlotte MacDonald

Bagi ayat (21) dan (22) , terdapat dua KK yang telah dikonjugasikan. Penambahan KK kedua “**avoir**” dan “**être**” yang dikonjugat, iaitu “**a**” (21) dan “**est**” (22) adalah punca utama kesalahan penulisan ayat ini. Dalam struktur ayat BP masa kini yang betul, hanya satu KK yang perlu dikonjugasikan, iaitu KK yang pertama, manakala KK kedua dan seterusnya kekal dalam bentuk asal. Struktur ayat ini betul dan gramatis jika “**a**” dan “**est**” digugurkan dari ayat (21) dan (22), maka ayat yang betul adalah “**Il aime chanter**” dan “**Elle s’appelle Charlotte MacDonald**” .

### Kesilapan pemilihan

Kesilapan pemilihan kata nama diletakkan sebagai KK

- (23) Il **âge** trente-cinq  
 (24) Elle **profession** la dentiste

Kesalahan ayat (23) dan (24) adalah masalah responden tidak dapat membezakan di antara KN dan KK. Responden meletakkan KN “**âge**” dan “**profession**” di tempat KK ayat (23) dan (24). Kesilapan memilih KN ini telah menyebabkan ayat ini tidak gramatis. KK yang sepatutnya dipilih responden adalah “**AVOIR**” untuk menerangkan tentang umur dan KK “**ETRE**” untuk menerangkan tentang pekerja. Ayat yang betul adalah “**Il a trente-cinq ans**” ayat (23) dan ayat (24) “**Elle est dentiste**”.

Kesilapan pemilihan KK dan kesilapan penambahan KN

- (25) Elle **langue** est anglais, francais et espagnol.  
 (26) Il **ville** est Naples  
 (27) Il **age** est trante cinq

Responden kajian telah menambahkan KN sebelum KK yang telah dikonjugasikan pada ayat (25), (26) dan (27). Penambahan KN adalah sama sekali tidak perlu dalam penulisan ayat deskriptif ini. Selain itu, responden juga melakukan kesalahan pemilihan KK dalam ketiga-tiga ayat (25), (26) dan (27) di atas. Mereka telah memilih KK “**ÊTRE**” yang telah dikonjugasikan ke “**est**” mengikut subjek ketiga, iaitu “**Il**” atau “**Elle**”. KK yang betul pada ayat (25) adalah “**PARLER**” (bercakap), ayat (26) “**HABITER**” (tinggal) dan ayat (27) pula adalah “**AVOIR**” (ada) untuk menerangkan tentang umur seseorang dalam BP. Berikut adalah ayat yang betul bagi (25) “Elle **parle** anglais, français et espagnol , (26) “Il **habite** à Naples **en** Italie” dan (27) “Il **a** trente cinq **ans**”.

Kesilapan pemilihan KK bagi umur

- (28) Elle **est** vingt-sept ans  
 (29) Il **est** trente cinq ans

Ayat (28) dan (29) adalah salah dari segi pemilihan KK yang betul. Dalam BP, KK “**AVOIR**” (ada /mempunyai) digunakan dalam pembinaan ayat deskriptif untuk menerangkan tentang umur seseorang. Responden telah melakukan kesalahan dengan memilih KK “**ÊTRE**” dalam ayat (28) dan (29). Kesalahan ini adalah disebabkan oleh masalah interlingua dan juga masalah gangguan BI dalam mempelajari BP sebagai BA. Jika diterjemahkan ke dalam BI ayat (28) dan (29) adalah betul, akan tetapi dalam BP penggunaan KK “**ÊTRE**” adalah tidak boleh kerana penerangan tentang umur hanya boleh menggunakan KK “**AVOIR**” . Ini adalah perbezaan yang sangat ketara,

jika dibandingkan dengan BM dan BI, iaitu menggunakan KK “**AVOIR**” untuk menerangkan tentang umur seseorang. KK “**AVOIR**” juga perlu dikonjugasikan mengikut subjek iaitu, “**Elle a ...**” dan “**Il a...**”.

Kesilapan pemilihan KK dalam ayat

(30) Elle **habites** vingt-sept

Kesalahan ayat (30) adalah pemilihan KK “**HABITER**” yang bermaksud “tinggal”. Responden sepatutnya menggunakan KK “**AVOIR**” yang bermaksud, “ada atau mempunyai”, seperti ayat (28) dan (29) di atas, apabila menceritakan tentang umur seseorang dalam BP. Responden kajian memilih KK yang salah semasa membina ayat. Oleh yang demikian, untuk menjadikan ayat ini mempunyai makna yang betul, responden sepatutnya menulis ayat (30) seperti berikut, “Elle **a vingt-sept ans**”.

Kesilapan pemilihan dan Konjugasi KK tidak regular

(31) Il **ai** trente-cinq

(32) Il **suis** italien

(33) Il **suis** italienne

Kesalahan di sini adalah kesalahan konjugasi. Konjugasi yang sepatutnya bagi KK “**avoir**” ayat (31) bagi subjek “**Il**” subjek ketiga tunggal adalah “**a**” bukannya “**ai**” seperti yang dipilih oleh responden. Ayat (32) yang betul adalah “Il **a** trente-cinq ans”. Begitu juga kesalahan yang terdapat pada ayat (32) dan (33), iaitu kesalahan dari kategori yang sama, kesalahan konjugasi KK tidak regular “**ÊTRE**”. Konjugasi yang betul adalah “**est**” bukannya “**suis**” seperti ayat di atas. Ayat (32) dan (33) yang betul adalah “Il **est** italien”, maka jelaslah bahawa kedua-dua KK tidak regular “**AVOIR**” dan “**ÊTRE**” ini tidak mempunyai formula seperti KK regular. Oleh yang demikian, adalah lebih baik jika responden menghafal konjugasi KK tidak regular ini dan juga formula bagi KK regular yang lain agar responden dapat menguasai kemahiran penulisan BP dengan baik.

Kesilapan pemilihan akhiran kata kerja regular “**\_ER**”

(34) Charlotte **habit\_** à Toronto au Canada

(35) Il **habité<sub>s</sub>** à Naples en Italie

(36) Elle **habiten<sub>u</sub>** à Toronto au Canada.

Kesalahan konjugasi boleh menyebabkan ayat itu salah dan tidak gramatis dalam BP. Responden sering keliru dan tidak mahir dengan akhiran yang sepatutnya ditulis semasa proses konjugasi ayat (34), (35) dan (36). KK dengan akhiran “**\_ER**” dalam BP mempunyai satu bentuk atau formula dan dikonjugasikan selaras dengan subjek (manusia atau benda) dan juga berdasarkan kepada bilangan dan gender KGN Diri. Contohnya :

#### Kata Kerja (.....ER)

Je ( <i>Saya</i> )	.....e	Nous ( <i>Kami</i> )	.....ons
Tu ( <i>Awak</i> )	.....es	Vous ( <i>Kamu</i> )	.....ez
Il/Elle ( <i>Dia</i> )	.....e	Ils/Elles ( <i>Mereka</i> )	.....ent

Kesemua akhiran bagi KK ayat (34), (35) dan (36) adalah salah atau tidak lengkap. Kesalahan pemilihan akhiran ini menunjukkan bahawa responden belum dapat menguasai kemahiran konjugasi KK kerja dengan akhiran “\_ER” dengan baik. Ayat-ayat ini akan menjadi gramatis apabila huruf “e” ditambahkan pada akhiran kata dasar “**habit**” menjadi “**habite**” kerana ketiga-tiga subjek bagi ayat (34), (35) dan (36) adalah dari kategori yang sama, iaitu KGN diri orang ketiga tunggal, “**Il**” dan juga “**Elle**”.

Kesilapan pemilihan ejaan KK yang betul semasa mengkonjugasi KK

- (37) Il **s'appele** Marchetti Luciano
- (38) Il's **appeles** Marchetti Luciano
- (39) Elle **s appele** est Charlotte Macdonald
- (40) Il **s'apelle** Marchetti

Kesalahan ejaan telah dilakukan oleh responden bagi ayat-ayat di atas (37), (38), (39) dan (40) apabila membina ayat memperkenalkan diri dan seseorang dalam BP. Responden telah melakukan beberapa kesalahan konjugasi KK ini. Ini menunjukkan responden tidak menguasai dengan baik teknik dan formula konjugasi KK BP. Konjugasi yang betul bagi KK “**S'APPELER**” (bernama) adalah seperti berikut:

#### S'APPELER

Je m'appelle	Nous nous appelons
Tu t'appelles	Vous vous appelez
Il/Elle s'appelle	Ils/Elles s'appellent

Ayat yang betul bagi (37), (38), (39) dan (40) adalah “**Il s'appelle ...**” atau “**Elle s'appelle ...**”. Antara kesilapan responden dalam menjalankan konjugasi ini adalah kesalahan pengurangan konsonan “**I**” pada ayat (37), (38) dan (39), kesalahan pengurangan konsonan “**p**” pada ayat (40), kesalahan meletakkan koma ayat (38), iaitu selepas subjek “**Il**”, di mana responden memberikan jawapan seperti berikut, “**Il 's appeles**”. Selain itu, terdapat juga kesalahan lain pada ayat (38), iaitu kesalahan pemilihan akhiran konjugasi. Responden menulis akhiran “**...es**”. Konjugasi yang betul adalah dengan akhiran “**...e**” sahaja bagi subjek ketiga tunggal. Ayat (38) yang gramatis adalah “**Il s'appelle**” bukannya “**Il 's appeles**”. Sementara itu, terdapat satu lagi kesalahan pada Ayat (39), iaitu tidak meletakkan tanda koma selepas konsonan “**s**”. Konjugasi dan ejaan yang betul bagi ayat ini adalah “**Elle s'appelle....**”.

#### Kesilapan Pengurangan

Kesilapan pengurangan, iaitu tidak meletakkan kata kerja dalam ayat

- (41) Elle \_\_\_ vingt-sept ans
- (42) Il \_\_\_ trente-cinq ans

Satu kesalahan besar telah dilakukan responden pada ayat (41) dan (42), iaitu kesilapan pengurangan. Penulisan ayat tanpa KK adalah satu kesalahan besar dalam BP kerana ayat tersebut tidak dapat ditafsirkan maknanya. Struktur ayat BP yang betul, mesti mempunyai kata kerja selepas subjek. Masalah responden dalam penulisan KK ini adalah masalah gangguan bahasa ibunda, iaitu BM kerana dalam BM terdapat beberapa ayat yang tidak memerlukan KK. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan kepada responden dalam membina ayat BP yang betul. Kekurangan

ayat (41) dan (42) adalah tidak meletakkan KK “**AVOIR**” (ada) bagi menerangkan tentang umur seseorang dalam BP. Dalam ayat (41) dan (42) ini, KK “**AVOIR**” yang dikonjugasikan mengikut subjek “**Il**” atau “**Elle**” adalah “**a**”. Maka, ayat yang betul adalah “**Elle a vingt-sept ans**” dan “**Il a trente-cinq ans**”.

Kesilapan tidak melakukan pengurangan (tidak konjugasi) KK  
(43) Elle **parler** anglais, français et espagnol.

Salah satu kesalahan yang perlu dielakkan oleh responden dalam mempelajari BP adalah konjugasi KK. Responden perlu peka dengan aturan konjugasi KK kerja ini. Elakkan melakukan kesalahan ayat (43), iaitu tidak mengkonjugasi KK “**PARLER**” (bercakap). Ini adalah satu kesalahan dalam BP. Selepas dikonjugasi, KK yang betul bagi “**PARLER**” mengikut subjek “**Elle**” adalah “**parle**”. Struktur ayat (43) yang betul adalah “**Elle parle anglais, français et espagnol**”.

Kesalahan Kata Preposisi

#### Kesilapan pemilihan

Kesilapan pemilihan KP menunjukkan tempat, iaitu negara

- (44) Il habite **au** Italie
- (45) Elle habite **en** Canada
- (46) Il habite **à** Italie.
- (47) Elle habite **à** Canada

Terdapat kesalahan pemilihan KP menunjukkan tempat bagi sebuah negara pada ayat (44), (45), (46) dan (47), iaitu KP “**au**”, “**en**” dan “**à**”. Dalam bahasa Perancis, terdapat 3 jenis KP untuk sesebuah negara. KP ini ditentukan oleh gender sesebuah negara dan ditulis sebelum nama negara yang membawa maksud “di” dalam BM. KP bagi negara adalah “**en**” bagi negara feminin, “**au**” bagi negara maskulin dan “**aux**” negara maskulin jamak. Kesalahan ayat (44) adalah kesalahan pemilihan KP “**au**” pada negara feminin seperti Italie. Jawapan yang betul adalah “Il habite **en** Italie”. Manakala ayat (45) pula, responden salah memilih KP “**en**” sebelum negara maskulin, iaitu Canada. Responden sepatutnya meletakkan KP “**au**” sebelum negara Canada, iaitu “Elle habite **au** Canada”. Sementara itu, terdapat kesalahan ketiga pada pemilihan KP ayat (46) dan (47), iaitu kesalahan memilih KP “**à**” bagi sebuah negara. Jawapan yang betul bagi ayat (46) adalah, “**Il habite en Italie**” dan “**Elle habite au Canada**” bagi ayat (47).

Kesilapan pemilihan KP menunjukkan tempat, iaitu bandar

- (48) Il habite **en** Naples
- (49) Il vit **dans** Naples

Responden telah salah memilih KP pada ayat (48) dan (49), Naples adalah sebuah bandar, bukanlah sebuah negara. Maka KP yang tepat bagi sebuah bandar dalam BP adalah KP “**à**” bukanlah seperti ayat (48) dan (49) kerana kesalahan meletakkan KP “**en**” dan KP “**dans**” sebelum sebuah bandar. Struktur ayat dengan KP yang betul bagi menerangkan tentang lokasi atau “di” sesebuah bandar adalah seperti berikut, “**Il habite à Naples**”

### Kesilapan Pengurangan

Kesilapan tidak meletakkan KP menunjukkan tempat

- (50) Elle habite \_\_\_ Toronto
- (51) Il habite \_\_\_ Naples
- (52) Il habite \_\_\_ Italie (*f*)
- (53) Elle habite \_\_\_ Canada (*m*)

Kesalahan bagi ayat (50), (51), (52) dan (53) adalah tidak meletakkan KP tempat (negara) “**en**” bagi negara feminin, “**au**” bagi negara maskulin dan “**à**” sebelum nama bandar. KP bagi ayat (50) adalah “Elle habite **à** Toronto” dan ayat (51) “Il habite **à** Naples”. Manakala bagi ayat (52) “Il habite **en** Italie” kerana Italie adalah sebuah negara feminin dan ayat (53) pula adalah “Elle habite **au** Canada”, KP “**au**” dipilih kerana Canada adalah sebuah negara maskulin.

Kesilapan tidak meletakkan tanda (accent aigu) pada KP “**à**”

- (54) Elle habite **a** Toronto au Canada
- (55) Il habite **a** Naples en Italie

Kebanyakan responden mengambil mudah dalam penulisan KP “**à**” sebelum tempat seperti bandar, kampung dan juga pulau. Dalam BP penanda di atas “**a**”, iaitu “accent aigu” memainkan peranan yang penting untuk menjelaskan perbezaan antara KP dan KK. Dalam hal ini, “**à**” yang bertanda di atas ini membawa maksud “di” dalam BM dan berfungsi sebagai KP BP untuk tempat seperti bandar, kampung dan pulau. Tanpa meletakkan “accent aigu” atau penanda di atas “**a**”, maksud “**a**” ini akan berubah. Perubahannya membawa kepada perubahan makna ayat yang agak besar kerana “**a**” tanpa “accent aigu” membawa maksud yang berbeza, iaitu terbit dari KK “**AVOIR**” yang telah dikongsi oleh ketiga-tiga, iaitu “**Il a ...**” atau “**Elle a ...**” yang membawa maksud “Dia ada ...”. Maka dengan sebab itu, jelaslah kepentingan meletakkan penanda di atas “**à**” atau accent aigu ini kerana maksudnya akan berubah dan fungsinya juga berbeza, iaitu KP “di” bukannya KK “**AVOIR**”. Ayat (54) dan (55) yang betul adalah, “**Elle habite à Toronto au Canada**” dan “**Il habite à Naples en Italie**”

### Kesilapan Penambahan

- (56) il est de **en** Naples, Italie
- (57) Il habite **en ville** Naples **en pays** Italie

Responden melakukan kesalahan penambahan pada ayat (56), iaitu menambahkan satu lagi KP, iaitu “**en**” selepas KP “**de**” yang membawa maksud “dari” dalam BM. Struktur Ayat (56) adalah betul jika KP kedua, iaitu “**en**” digugurkan. Ayat yang betul adalah seperti berikut, iaitu “Il est **de** Naples, Italie”. Manakala ayat (57) pula, kesalahan pertama adalah pemilihan KP “**en**” sebelum KN sebuah bandar, diikuti oleh kesalahan kedua, iaitu penambahan KN “ville” (bandar) dan kesalahan ketiga penambahan KN “pays” sebelum negara “**Italie**”. Tanpa penambahan KN “ville” dan “pays”, struktur ayat yang betul adalah seperti berikut setelah KP “**en**” sebelum bandar Naples digugurkan dan digantikan dengan KP “**à**”, “**Il habite à Naples en Italie**”.

### Kesimpulan

Dapatan kajian AK ini menunjukkan kesalahan kata preposisi adalah paling ketara, iaitu sebanyak 50%, diikuti oleh kesalahan kata kerja 28%, kesalahan kata nama sebanyak 19% dan akhir sekali adalah kata adjektif yang paling sedikit, iaitu 3%. Kesalahan kata adjektif paling sedikit kesalahannya kerana maklumat yang terdapat dalam biografi itu banyak membantu pelajar dalam memilih KA yang betul. Maka, responden dapat menjelaskan kewarganegaraan dengan betul. Sementara itu, kesalahan kata nama pula disebabkan oleh pengguna artikel mengikut subjek dan mengikut gender. Bagi pelajar Malaysia ini adalah sesuatu yang baru dan sukar dalam menguasai BP kerana dalam tatabahasa BM tidak wujud penggunaan artikel ini. Namun begitu BM mempunyai penjodoh bilangan dalam menentukan bilangan di mana kriteria ini tidak terdapat dalam BP. Oleh sebab itu, responden menambah artikel pada ayat yang tidak memerlukan artikel seperti menerangkan pekerjaan seseorang. Selain itu, kesalahan kata kerja BP juga merupakan sesuatu yang perlu diambil serius kerana sejumlah 31 kesalahan telah dilakukan responden. Pembelajaran KK BP memerlukan strategi pembelajaran bahasa asing yang baik dan responden perlu memperuntukkan lebih masa mempelajari KK BP ini. Tumpuan yang lebih diperlukan untuk menghafal dan menguasai cara dan juga formula konjugasi BP kerana konsep konjugasi dalam membina ayat BP ini adalah sesuatu yang baru bagi pelajar Malaysia. Ianya lebih rumit jika dibandingkan dengan BM kerana tidak wujud sistem konjugasi ini dalam BM. Maka dengan sebab itulah pelajar melakukan kesalahan penulisan KK BP ini. Seterusnya kesalahan yang paling banyak dilakukan pelajar adalah kesalahan Kata Preposisi BP. KP BP strukturnya adalah seakan sama dengan BM. Tambahan pula makna KP BP boleh diterjemahkan terus dari BP ke BM dan BM ke BP. Namun begitu, walaupun KP BP mudah dipelajari, masih terdapat pelajar yang melakukan kesalahan ini, iaitu sebanyak 55 kesalahan. Responden mengambil mudah tentang KP ini, hakikatnya responden perlu menguasai gender bagi setiap negara di dunia kerana KP BP bagi sebuah negara perlu ditulis mengikut gender negara tersebut. Selain itu bagi KP bagi bandar, kampung atau pulau pula adalah berbeza dari KP sebuah negara. Perkara inilah banyak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar BP sebagai BA dalam memilih KP yang betul. Masalah gangguan bahasa kedua, iaitu BI juga turut mempengaruhi pelajar dalam pemilihan KP BP ini. Kecelaruhan ini sering berlaku dalam kalangan pelajar BP sebagai bahasa asing.

Oleh yang demikian, pengkaji mendapati banyak berlakunya fenomena interlingua dan intralingua, iaitu bahasa antara dalam penulisan ayat mudah BP responden. Faktor ini secara tidak langsung sebenarnya turut membantu dalam kemahiran penulisan bahasa sasaran di mana responden tidak melakukan kesilapan dalam penyusunan ayat BP. Selain itu juga, responden turut menggunakan kaedah terjemahan langsung, iaitu sama ada dari B1 ke BP atau B2 ke BP. Akan tetapi, kaedah terjemahan ini tidak selalunya tepat kerana kadangkala ianya boleh membawa kepada kesalahan pemilihan kosa kata yang betul. Selain itu, strategi terjemahan ini juga mewujudkan bahasa antara, iaitu bahasa yang hadir semasa proses peralihan antara B1 dan BA pelajar. Kesimpulannya, melalui kajian ini pengkaji dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi responden dalam penulisan ayat mudah BP. Penulisan yang baik adalah bergantung pada penguasaan responden membina struktur ayat betul, menguasai tatabahasa BP, mengingati kosa kata BP dan juga menguasai gender BP dengan baik. Masalah kesalahan dan kesilapan dalam pembelajaran sesuatu bahasa, terutamanya bahasa asing adalah satu lumrah dan ianya merupakan satu elemen penting bagi mengukur tahap kefahaman dan pemerolehan bahasa sasaran. Selain itu, dapatan daripada analisis kesilapan dan kesalahan penulisan ayat mudah ini juga dapat membantu guru bahasa asing terutamanya guru BP mencari jalan penyelesaian untuk menangani masalah kesalahan dan kesilapan ini. Maka dengan sebab itu, kajian ini memberi manfaat kepada

guru agar dapat merancang strategi pengajaran yang berkesan dan juga mengubah teknik pengajaran dengan harapan responden dapat menguasai BP dengan baik dan tidak lagi melakukan kesilapan dan kesalahan dalam penulisan BP di masa akan datang. Penguasaan BA dengan baik dalam kalangan pelajar Malaysia adalah satu nilai tambah apabila mereka keluar bekerja nanti.

### Rujukan

Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2018. Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi. *Jurnal Linguistik* Vol 22, No 1

Corder S.P. (1981). *Error analysis and interlanguage*. London: Oxford University Press.

Dulay, H.C., Burt, M., Krashen, S. (1982). *Language two*. New York: Oxford University Press.

Hazlina Abdul Halim. 2013. Analisis kesilapan dan strategi pembelajaran gender gramatikal bahasa Perancis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol 13, No 1

Hazlina Abdul Halim & Ang Lay Hoon. 2015. Kesalahan pemilihan dan pembentukan kata dalam terjemahan bahasa Perancis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol 15, No 2

Hazlina Abdul Halim, Ang Lay Hoon, Mormaliza Abd Rahim, Roslina Mamat, Nor Shahila Mansor. 2016. Kesilapan ejaan dalam terjemahan pelajar bahasa Perancis di Universiti Putra Malaysia. *Journal of Business and Social Development*, Vol 4, No 1

James, C. (1998). *Errors in language & use*. Harlow: Longman.

Mayada Zaki. (2015), *Contrastive linguistics: Approaches and methods*. Cairo: University of Cairo.

Mohammad Baihaqi, Hasni and Farah Hanan. (2017). Analisis kontrastif dalam penggunaan gender antara bahasa Arab dan Melayu dalam kalangan pelajar kejuruteraan di Universiti Malaysia Pahang. *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSE)*, Vol 1, No 1

Muftia Arifana Saputri (2017) Analisis Kesalahan Menulis Bahasa Perancis Pada Forum Media Online Version Originale. (Unpublished undergraduate's thesis). Universitas Negeri Semarang, Semarang, Indonesia.

Zaliza Mohamad Nasir. 2017. Kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan karangan. *LSP International Journal*, Vol 4, No 1.